





UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

# DASAR PASCA DOKTORAL UKM-SPKP-CRIM-PK04-GP05

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia SPKP	 ..... Hj Zanudin Mohd. Daud Ketua Pentadbiran / Ketua Jaminan Kualiti	 ..... Prof. Dr. Muhammad Fauzi Bin Mohd Zain Pengarah CRIM
Tarikh : 01/08/2018	Tarikh : 22/08/2018	Tarikh : 23/8/2018

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kkuatkuasa
01	00	30/08/2018



## 1.0 PERMOHONAN

### 1.1 Pengenalan

Pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat memberi peluang yang lebih luas kepada fakulti/pusat/institut untuk membantu penyelidik dalam usaha menggalakkan penerokaan ilmu merentasi sempadan, menyuburkan budaya penyelidikan, menggembleng nic penyelidikan serta melahirkan peneraju R&D dan pemikir yang kritis seiring dengan status UKM sebagai Universiti Penyelidikan.

### 1.2 Tujuan

- a) Menggalakkan pembangunan modal insan yang cemerlang dan pemindahan teknologi R&D di dalam dan luar negara;
- b) Meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan serta memperkasakan rantaian dan kumpulan penyelidikan UKM;
- c) Menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi serta melonjakkan sebutan UKM.

### 1.3 Bidang Penyelidikan

Bidang penyelidikan adalah mengikut disiplin atau merentasi disiplin di fakulti/pusat/institut berdasarkan gugusan iaitu gugusan sains dan teknologi; gugusan sains sosial; gugusan sains kesihatan dan perubatan.

### 1.4 Sumber Pembiayaan

#### 1.4.1 Peruntukan Modal Insan Universiti

- Terbuka kepada calon warganegara Malaysia dan luar negara (nisbah 70:30);
- [Memperuntukkan nisbah 70:30 bagi lantikan bidang Sains dan Sains Sosial](#)

- Penawaran geran kepada penyelia dengan siling RM 100,000 untuk tempoh satu tahun (Garis Panduan Modal Insan adalah seperti di Lampiran A).

**1.4.2 Peruntukan projek penyelidikan**

- Terbuka kepada calon warganegara Malaysia dan luar negara;
- Projek aktif untuk tempoh lantikan calon; dan
- Peruntukan V11000 mencukupi untuk tempoh lantikan calon.

**1.4.3 Peruntukan PTJ**

- Terbuka kepada calon warganegara Malaysia dan luar negara;
- Peruntukan PTJ mencukupi untuk tempoh lantikan calon.

**1.4.4 Tajaan luar**

- Terbuka kepada calon warganegara Malaysia dan luar negara; dan
- Calon mengemukakan surat / perjanjian pengesahan tajaan.

**1.4.5 Tanpa biaya**

- Terbuka kepada calon warganegara Malaysia dan luar negara; dan
- Calon dan bakal penyelia mengemukakan pengesahan persetujuan pelantikan tanpa biaya (UKM-SPKP-CRIM-PK04-B0XX)

**1.5 Kriteria Kelayakan Permohonan**

**1.5.1 Penyelidik Pasca Doktor**

- a) Terbuka kepada calon dalam dan luar negara (bukan kakitangan akademik UKM);
- b) Memiliki ijazah Doktor Falsafah dalam tempoh LIMA (5) tahun selepas menamatkan ijazah Doktor Falsafah dari Institusi Pengajian Tinggi yang telah diiktiraf oleh Senat UKM;

- c) Mempunyai kecekapan Bahasa Inggeris (TOEFL minimum 600 atau IELTS minimum band 6.5 atau sijil yang diiktiraf oleh UKM);
- d) Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan telah menghasilkan penerbitan seperti berikut :

SUMBER PEMBIAYAAN	BIDANG	PENERBITAN
MODAL INSAN UNIVERSITI	Sains dan Teknologi	Warganegara : Empat (4) Kertas Penerbitan WoS Bukan Warganegara : Enam (6) Kertas Penerbitan WoS
	Sains Sosial	Warganegara : Empat (4) Kertas Penerbitan Jurnal Terindeks Bukan Warganegara : Empat (4) Kertas Penerbitan WoS
PROJEK PENYELIDIKAN / PTJ	Sains dan Teknologi	Dua (2) kertas penerbitan WoS
	Sains Sosial	Dua (2) kertas penerbitan terindeks (WoS/ERA/SCOPUS)
TAJAJAN LUAR	Tiada kriteria yang ditetapkan	
TANPA BIAYA	Tiada kriteria yang ditetapkan	
<p><i>Catatan :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Penerbitan jurnal bagi 3 tahun ke belakang sahaja diambilkira.</i></li> </ul>		

- e) Bagi permohonan pelanjutan, Penyelidik Pasca Doktorat perlu menghantar laporan kemajuan Pasca Doktorat dalam tempoh 2 bulan sebelum tamat kontrak dan menghasilkan penerbitan seperti berikut :

SUMBER PEMBIAYAAN	BIDANG	PENERBITAN
MODAL INSAN UNIVERSITI	Sains dan Teknologi	Dua (2) kertas penerbitan Q1 atau lima (5) ISI pada tahun semasa lantikan
PROJEK PENYELIDIKAN UNIVERSITI / PTJ	Sains Sosial	
TAJAAN LUAR	Dua (2) kertas penerbitan terindeks (WoS/ERA/SCOPUS)	
TANPA BIAYA	Dua (2) kertas penerbitan terindeks (WoS/ERA/SCOPUS)	
Catatan : <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penerbitan yang diambil kira :               <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Status penerbitan `in-press` / `accepted` / `published` dan telah di rekodkan dalam Sistem e-Repository.</li> <li>(ii) penulis pertama ataupun `corresponding author`.</li> </ol> </li> </ul>		

- f) Lulus pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan oleh Pegawai Perubatan kerajaan atau klinik panel Universiti.

### 1.5.2 Penyelia

Kriteria penyelia adalah mengikut sumber pembiayaan seperti berikut :

SUMBER PEMBIAYAAN	KRITERIA
MODAL INSAN UNIVERSITI	<p>a) Penyelia bidang Sains mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) penerbitan Q1/Q2 atau lima (5) penerbitan WoS pada tahun sebelumnya.</p> <p style="text-align: center;">Atau</p> <p>Penyelia bidang Sains Sosial mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) penerbitan Q1/Q2 atau lima (5) penerbitan WoS/SCOPUS pada tahun sebelumnya.</p> <p>b) Penyelia hanya boleh menyelia seorang penyelidik pasca doktoral pada satu masa.</p>
PROJEK PENYELIDIKAN UNIVERSITI / PTJ	<p>a) Mempunyai geran penyelidikan yang aktif yang diluluskan berjumlah RM 100,000.00 dan ke atas;</p> <p>b) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) penerbitan terindeks dan dua (2) penerbitan berwasit pada tahun sebelumnya;</p> <p>c) Penyelia hanya boleh menyelia seorang penyelidik pasca doktoral pada satu masa.</p>
TAJAJAN LUAR	Tiada kriteria yang ditetapkan
TANPA BIAYA	Tiada kriteria yang ditetapkan

## 2.0 PELANTIKAN

### 2.1 Taraf Iantikan

Sepenuh masa dan bertaraf kontrak

### 2.2 Tempoh Pelantikan

**2.2.1** Pelantikan pertama adalah 1 tahun.

Rujuk Perjanjian Penyelidikan sekiranya penamatan awal oleh PPD.

**2.2.2** Pelanjutan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada prestasi dan perakuan penyelia.

Penilaian Prestasi Penyelidikan yang melibatkan *output* iaitu penerbitan jurnal terindeks akan dibuat setiap 6 bulan.

### 2.3 Penempatan

Penempatan calon adalah di PTJ seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan.

### 2.4 Penamatan Perkhidmatan

**2.4.1** Universiti berhak menarik balik tawaran dengan serta-merta atau atau menamatkan perkhidmatan Penyelidik Pasca Doktorat tanpa memberi sebab terlebih dahulu sekiranya didapati maklumat yang tidak benar telah diberikan dalam mata-mana dokumen yang dikemukakan kepada Universiti berkaitan pelantiakn ini.

**2.4.2** Tempoh pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat boleh ditamatkan dengan perakuan penyelia sekiranya penyelidik gagal memenuhi syarat lantikan dan/atau gagal menunjukkan prestasi yang dikehendaki oleh Universiti melalui tiga puluh (30) hari notis atau dibayar satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis.



**2.4.3** Penyelidik Pasca Doktorat boleh meletak jawatan dengan memberi notis secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari notis atau membayar balik satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis. Bagi pelantikan pertama yang tempoh perkhidmatan kurang enam (6) bulan dalam tahun semasa, Penyelidik Pasca Doktorat akan dikenakan penalti dengan membayar balik gaji yang telah dibayar oleh Universiti bagi sepanjang perkhidmatan di UKM.

## 2.5 Proses Permohonan

- a) Borang Permohonan Penyelidik Pasca Doktorat boleh dimuat turun menerusi laman web CRIM di <http://research.ukm.my>. Permohonan skim ini dibuka sepanjang tahun;
- b) Borang permohonan perlu disertakan bersama dokumen berikut :
  - i. Salinan Kad Pengenalan (Warganegara Malaysia) / salinan pasport (Bukan Warganegara);
  - ii. Gambar bersaiz pasport yang terkini;
  - iii. Sijil akademik (Phd/surat kelulusan senat);
  - iv. Minimum band TOEFL 600 atau IELTS skor keseluruhan minimum 6.5 (akademik) atau mengikut ketetapan fakulti;
  - v. Cadangan Penyelidikan dan Jadual Pelaksanaan (dalam bentuk carta gantt) untuk tempoh lantikan;
  - vi. *Curriculum Vitae*. (Senarai penerbitan-lampirkan muka hadapan penerbitan atau surat pengesahan penerimaan untuk penerbitan);
  - vii. Borang Pemeriksaan Kesihatan yang telah disahkan oleh Doktor Perubatan Hospital Kerajaan atau klinik panel Universiti hendaklah dikemukakan semasa melapor diri.

- c) Semua salinan dokumen yang tersebut di atas mestilah disahkan oleh pihak Universiti atau Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Pejabat Kedutaan (calon bukan warganegara);
- d) Borang permohonan yang lengkap perlu mendapat perakuan daripada Penyelia, disokong oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan Penyelidikan/ Ketua Kelompok Penyelidikan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat. Borang permohonan yang lengkap dimajukan kepada Pengurusan CRIM;
- e) Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran 2**.

## 2.6 Proses Pemilihan

### 2.6.1 Pemilihan di peringkat PTJ

Pemilihan Penyelidik Pasca Doktorat perlu mendapat perakuan daripada Penyelia dengan disokong oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan Penyelidikan/ Ketua Kelompok Penyelidikan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat.

### 2.6.2 Pemilihan di peringkat CRIM

Jawatankuasa Penyelidik Pasca Doktorat mempunyai kuasa meluluskan pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat di samping menjalankan tugas lain termasuk penambahbaikan kepada dasar dan perundangan, sistem dan prosedur serta perkara – perkara berkaitan.

## 2.7 Bidang Tugas

### 2.7.1 Penyelidik Pasca Doktorat

- a) Menjalankan penyelidikan di bawah seliaan penyelia yang berkaitan dengan cadangan penyelidikan;

- b) Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan Quartile 1 (Q1) atau lima (5) penerbitan ISI setahun;
- c) Memasukkan nama UKM dalam semua penerbitan yang ditulis dalam tempoh lantikan tanpa mengambilkira tahun sebenar penerbitan diterbitkan;
- d) Tidak membawa atau menggunakan sebarang hasil penyelidikan yang dijalankan di UKM ke organisasi lain tanpa kebenaran;
- e) Menghantar laporan kemajuan penyelidikan untuk tempoh setiap 6 bulan;
- f) Menghantar laporan akhir penyelidikan dalam tempoh 2 minggu selepas tamat lantikan; dan
- g) Menjalankan tugas-tugas lain yang ditentukan oleh penyelia.

### **2.7.2 Penyelia**

- a) Membuat pengesahan lapor diri calon.
- b) Membuat pengesahan tuntutan bayaran balik tiket penerbangan, bayaran pas Imigresen dan perubatan calon.
- c) Memantau kehadiran Penyelidik Pasca Doktorat sepanjang tempoh lantikan dan memaklumkan kepada Universiti sekiranya Penyelidik Pasca Doktorat tidak hadir bekerja atau menamatkan perkhidmatan sebelum tamat kontrak mengikut prosedur UKM.
- d) Memastikan Penyelidik Pasca Doktorat sebagai Penulis Pertama atau 'Corresponding Author' dalam penerbitan yang dihasilkan semasa tempoh Pasca Doktorat untuk diambil kira sebagai KPI Penyelidik Pasca Doktorat;
- e) Menghantar laporan kemajuan Penyelidik Pasca Doktorat seliaannya untuk tempoh setiap 6 bulan; dan
- f) Menghantar laporan akhir penyelidikan Penyelidik Pasca Doktorat seliaannya dalam tempoh 2 minggu selepas tamat lantikan.
- g) Menjalankan tugas-tugas lain yang ditentukan oleh penyelia.

## 2.8 Gaji

a) Penetapan gaji adalah mengikut sumber pembiayaan iaitu :

PERKARA	SUMBER PEMBIAYAAN	
	MODAL INSAN UNIVERSITI	PROJEK PENYELIDIKAN / PTJ
Gaji /sebulan	RM 5,000.00	Tertakluk kepada Garis Panduan Pembiaya Dana Kadar minimum : RM3,000 Kadar maksimum : RM5,000
Ganjaran Penerbitan	Bagi setiap hasil penerbitan yang melebihi KPI yang ditetapkan 1) Q1 = RM 1000 2) Q2 = RM 800 3) ISI = RM 300	Projek : Tiada PTJ : Tertakluk kepada perakuan PTJ
Elaun	Tiada	Tiada
Kenaikan tahunan	Tiada	Tiada
Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Caruman adalah tertakluk kadar yang ditetapkan oleh KWSP	Caruman adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan mengikut kadar yang ditetapkan oleh KWSP.
Potongan Cukai Bulanan (PCB)	Tertakluk kadar ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	Tertakluk kadar ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

## **2.9 Kemudahan Lain**

- a) Cuti rehat selama 25 hari setahun;
- b) Cuti sakit tidak melebihi 15 hari setahun;
- c) Kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di :
- d) Pusat Kesihatan Universiti bagi kakitangan Kampus Bangi, Kampus Cheras dan Kuala Lumpur; dan
- e) Klinik Warga Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM bagi kakitangan Kampus Cheras dan Kuala Lumpur;
- f) Pembiayaan perubatan (rawatan pesakit luar) untuk diri sendiri sahaja secara tuntutan bayaran balik dengan kelayakan maksimum RM600.00 setahun;
- g) Pembiayaan Visa/Pas Pengajian secara tuntutan bayaran balik dengan kelayakan maksimum RM360.00 (setiap tempoh lantikan);
- h) Tambang tiket kapal terbang kelas ekonomi pergi-balik untuk diri sendiri sahaja dalam tempoh kontrak (ketibaan lapor diri kali pertama dan selepas melengkapkan tempoh kontrak berkenaan) bagi calon bukan warganegara sahaja; dan
- i) Boleh menghadiri seminar/konferens/kursus yang diadakan di dalam negara/luar negara menggunakan peruntukan projek penyelidikan atau peruntukan Pusat Tanggungjawab tertakluk kepada kelulusan Penyelia/Ketua Projek dan Dekan/Pengarah, mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

***Catatan : Penyelidik Pasca Doktorat yang dilantik 'tanpa biaya' tidak layak mendapat kemudahan Perkara (c) - (h)***

## **2.10 Cukai Pendapatan**

- a) Penyelidik Pasca Doktorat dikenakan cukai pendapatan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b) Jabatan Bendahari bertanggungjawab dalam urusan membuat potongan cukai berjadual (PCB) pada setiap bulan;
- c) Kadar cukai yang dikenakan ialah tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa dari LHDN.
- d) Penyelidik Pasca Doktorat bukan warganegara bertanggungjawab menyelesaikan bayaran cukai pendapatan di LHDN dalam tempoh satu bulan sebelum tamat kontrak perkhidmatan. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan kesulitan kepada semasa meninggalkan Malaysia;

## **2.11 Pas Penggajian/Lawatan Ikhtisas**

- a) Calon bukan warganegara hendaklah mempunyai pas penggajian/Lawatan Ikhtisas yang diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sebelum melapor diri.
- b) Urusan Imigresen diuruskan oleh :

***Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)***

***Aras 2, Bangunan Canselori***

***UKM Bangi, Selangor***

***Telefon : 03-89214704 / 03-89214927***

***Emel : farah\_adibah@ukm.edu.my***

- c) Penyelidik Pasca Doktorat Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya atas segala bayaran yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan bayaran tunai sahaja diterima;

- d) Penyelidik Pasca Doktorat Bukan Warganegara hanya layak membuat tuntutan bayaran balik mengikut kelayakan yang ditetapkan Universiti dengan mengemukakan resit asal kepada Bahagian Kewangan Penyelidikan, Jabatan Bendahari UKM.

### **2.12 Kontrak Perkhidmatan**

- a) Kontrak Perjanjian Perkhidmatan hendaklah ditandatangani di antara calon dan Universiti serta dimatikan setem. Segala perbelanjaan ini hendaklah ditanggung sendiri oleh calon.
- b) Dokumen Perjanjian ini hendaklah dikemukakan bersama dokumen yang lain dan diserahkan semasa melapor diri.

### **3.0 TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh buka dan tutup permohonan adalah tertakluk kepada sumber pembiayaan iaitu seperti di bawah :

<b>SUMBER PEMBIAYAAN</b>	<b>CATATAN</b>
PERUNTUKAN MODAL INSAN UNIVERSITI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 Januari sehingga 30 Mei setiap tahun, tertakluk kepada kecukupan kewangan Universiti</li> </ul>
PROJEK PENYELIDIKAN / PUSAT TANGGUNGJAWAB	Sepanjang masa
TAJAJAN LUAR	
TANPA BIAYA	

#### **4.0 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN**

##### **4.1 Pelaksanaan Penyelidikan**

- a) Penyelidik Pasca Doktorat yang dilantik dikehendaki menjalankan penyelidikan berdasarkan cadangan penyelidikan dan jadual pelaksanaan yang dipersetujui oleh penyelia;
- b) Tuntutan perjalanan bagi tujuan kerja lapangan yang diluluskan oleh Penyelia/Ketua Projek berdasarkan peraturan Universiti.

##### **4.2 Pemantauan Laporan Prestasi Projek**


- a) Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah menyediakan Laporan Kemajuan Penyelidikan selepas enam (6) bulan projek dijalankan. Laporan ini hendaklah dihantar melalui penyelia kepada Fakulti/Institut/Pusat dan CRIM mengikut format yang telah ditetapkan ;
- b) Laporan Akhir Penyelidikan perlu hendaklah dihantar dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tamat tempoh lantikan melalui penyelia kepada Fakulti/Institut/Pusat dan CRIM mengikut format yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan gaji akhir akan ditahan.

#### **5.0 PERMOHONAN PELANJUTAN PASCA DOKTORAL**

- a) Permohonan pelanjutan boleh dibuat dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tamat kontrak dengan mengemukakan borang permohonan beserta hasil penerbitan sepanjang tempoh pelantikan Pasca Doktorat. Permohonan selepas tamat kontrak tidak akan dipertimbangkan.
- b) Permohonan pelanjutan hendaklah mendapat perakuan daripada Penyelia, disokong oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan Penyelidikan/Ketua Kelompok Penyelidikan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut;



**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL  
(MENGUNAKAN DANA MODAL INSAN)**



**CARTA ALIR PERMOHONAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL  
(MENGUNAKAN PROJEK PENYELIDIKAN)**

